

PERBARISAN KOMANDER PANGKALAN UDARA KUCHING

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5642-perbarisan-komander-pangkalan-udara-kuching-4

KUCHING, 15 Nov 19 – Perbarisan Komander Pangkalan PU Kuching, Kol Mohd Azwan bin Mohd Pohari TUDM telah diadakan di Dispersal Area, Cawang Operasi diketuai oleh Mej Mohd Hafifi Hafidz bin Abd Razak TUDM.

Dalam perbarisan ini, Komander Pangkalan turut menyempurnakan upacara pemakaian pangkat kepada 17 anggota LLP.

Dalam ucapan beliau turut menyatakan tentang peningkatan beberapa kes yang melibatkan tatatertib seperti penggunaan dadah terlarang dan THTC. Beliau menegaskan bahawa isu ini amat dipandang serius oleh perkhidmatan dan pangkalan serta tidak akan bertoleransi sekiranya kejadian seperti ini berlaku melibatkan warga Pangkalan.

Beliau juga mengingatkan kembali mengenai larangan penularan maklumat aktiviti ketenteraan serta isu politik dalam mana-mana media sosial arahan oleh Panglima Tentera Udara didalam Direktif Panglima Tentera Udara No 15 dengan jelas memberikan garis panduan kawalan penggunaan media sosial didalam TUDM.



